SOALAN NO : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

a. apakah status pelaksanaan Program Pemakanan Kurang Zat Makanan (PPKZM) untuk mengatasi masalah kurang nutrisi dalam kalangan orang Asal; dan

b. apakah langkah untuk memperkasakan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) mula dilaksanakan pada tahun 1989. Sehingga Mac 2020, seramai 878 orang (20%) kanak-kanak Orang Asli dari umur enam (6) bulan hingga enam (6) tahun yang telah dikenal pasti **mengalami masalah kurang berat badan dimasukkan ke dalam program ini.** Seramai 246 orang (21.6%) kanak-kanak telah meningkat berat badan dan pulih.

2. Melalui program ini, mereka menerima **bantuan makanan asas dan multivitamin**. Setiap bulan, berat badan dan panjang/tinggi mereka

akan diambil serta lawatan ke rumah akan dilakukan oleh anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penjagaan kesihatan, pemakanan dan kebersihan diri serta persekitaran turut ditunjuk ajar.

3. Bagi memperkasakan program ini, pihak KKM sedang menyemak semula Garis Panduan PPKZM dengan mengambil kira hasil kajian keberkesanan program yang telah dijalankan pada tahun 2018 serta perbincangan bersama agensi kerajaan dan bukan Kerajaan berkenaan isu kesihatan dan pemakanan kanak-kanak Orang Asli. Satu kajian berkaitan kesihatan Orang Asli yang turut melibatkan penilaian status kesihatan kanak kanak di bawah umur lima (5) tahun telah dirancang. Pihak KKM juga sedang merancang intervensi pemakanan yang lebih spesifik kepada kanak-kanak Orang Asli khususnya kumpulan Orang Asli *Semi-Nomadic*.

4. Pada tahun 2013, Program *Community Feeding* (PCF) juga telah diwujudkan sebagai pengukuhan kepada PPKZM. Program ini bertujuan meningkat dan mengekalkan status pemakanan kanak-kanak Orang Asli di kawasan yang mempunyai prevalens kanak-kanak kurang berat badan yang tinggi.

5. Sehingga kini, 43 buah pusat *community feeding* sedang beroperasi di kawasan pedalaman Negeri Perak, Pahang dan Kelantan. Kanak-kanak Orang Asli dari umur enam (6) bulan hingga enam (6) tahun akan diberi *Ready to Use Therapeutic Food* (RUTF), makanan tambahan dan multivitamin.

6. Sukarelawan tempatan daripada masyarakat Orang Asli dilatih bagi membantu anggota kesihatan melaksanakan aktiviti di pusat *Community Feeding* dan memberi pendidikan kesihatan kepada ibu/ bapa/ penjaga kanak-kanak menggunakan bahasa ibunda dan dialek Orang Asli.

Sekian, terima kasih.